

SOALAN-SOALAN LAZIM BAYARAN HAJI & BANTUAN KEWANGAN HAJI BAGI TAHUN 1448H/2027M

BIL	SOALAN	JAWAPAN															
1.	Berapakah Kos Haji untuk tahun 1448H/ 2027M?	• TH berjaya mengawal peningkatan kos bagi empat tahun berturut-turut sejak musim haji 1445H/2024M. • Kos Haji untuk tahun 1448H/2027 kekal sebanyak RM33,300 bagi seorang jemaah Muassasah.															
2.	Apakah kadar bayaran haji untuk tahun ini?	• TH meneruskan tanggungannya Bantuan Kewangan Haji (HAFIS) secara bersasar kepada bakal jemaah haji Muassasah dalam kategori B40 dan M40 yang pertama kali menunaikan ibadah haji. • TH telah menetapkan kadar bayaran haji seperti berikut:- <table> <tr> <th>KATEGORI</th><th>ASAS PENENTUAN</th><th>BAYARAN HAJI</th></tr> <tr> <td>B40</td><td>Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau lain-lain program bantuan Kewangan Kerajaan bagi B40</td><td>RM15,000*</td></tr> <tr> <td>M40</td><td>Bukan dalam kategori B40 dan T20</td><td>RM23,500</td></tr> <tr> <td>T20</td><td>Individu dengan pendapatan melebihi RM15,000 sebulan</td><td>RM33,300</td></tr> <tr> <td>Rayuan Haji</td><td>Rayuan luar giliran yang berjaya</td><td>RM33,300</td></tr> </table> * Kos Haji selepas mengambil kira Bantuan Kewangan Haji sebanyak RM17,300 dan bantuan Kerajaan RM1,000 seorang.	KATEGORI	ASAS PENENTUAN	BAYARAN HAJI	B40	Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau lain-lain program bantuan Kewangan Kerajaan bagi B40	RM15,000*	M40	Bukan dalam kategori B40 dan T20	RM23,500	T20	Individu dengan pendapatan melebihi RM15,000 sebulan	RM33,300	Rayuan Haji	Rayuan luar giliran yang berjaya	RM33,300
KATEGORI	ASAS PENENTUAN	BAYARAN HAJI															
B40	Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau lain-lain program bantuan Kewangan Kerajaan bagi B40	RM15,000*															
M40	Bukan dalam kategori B40 dan T20	RM23,500															
T20	Individu dengan pendapatan melebihi RM15,000 sebulan	RM33,300															
Rayuan Haji	Rayuan luar giliran yang berjaya	RM33,300															

BIL	SOALAN	JAWAPAN
3.	Apakah cara pemilihan Bakal Haji (BH) bagi musim haji 1448H/2027M?	• Kaedah pemilihan bakal haji pada tahun ini adalah sama seperti kaedah sebelum ini, iaitu berdasarkan tarikh dan masa daftar haji di mana yang dahulu didahulukan. • Surat tawaran haji dikeluarkan kepada bakal haji dalam giliran yang telah mencukupkan sekurang-kurangnya RM15,000 dalam akaun TH masing-masing.
4.	Berapakah kuota Haji Malaysia?	• Kerajaan Arab Saudi telah meluluskan sebanyak 31,600 kuota haji untuk jemaah Malaysia bagi 1448H/2027M. • Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (Organisation of Islamic Cooperation – OIC) pada tahun 1988 di Amman, Jordan, telah menetapkan bahawa kuota haji sesebuah negara ialah 0.1% daripada jumlah penduduk Islam negara tersebut.
5.	Bagaimanakah untuk menyemak surat tawaran haji dan bilakah surat tawaran haji akan dikeluarkan?	• Surat tawaran haji boleh disemak dan diperolehi melalui platform THiJARI. • Surat tawaran haji kepada 31,600 bakal jemaah bagi tahun 1448H/2027M akan mula dikeluarkan pada 21 September 2026. • Bakal haji hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan serta lulus terlebih dahulu dan mencukupkan bayaran haji sebelum melengkapkan jawapan tawaran menunaikan haji melalui THiJARI.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
6.	Berapakah jumlah Bantuan Kewangan Haji?	• Bagi meringankan beban kewangan bakal jemaah haji yang layak, TH dianggarkan bakal menanggung Bantuan Kewangan Haji pada musim haji kali ini berjumlah RM234 juta dan ini menjadikan jumlah terkumpul meningkat kepada lebih RM2.8 bilion dalam masa 26 tahun sejak diperkenalkan pada tahun 2001. • Jumlah bantuan yang besar ini telah memberikan kesan langsung terhadap kemampanan kewangan TH dan pulangan kepada pendeposit. • Bakal haji kumpulan B40 yang mendapat Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau lain-lain bantuan kewangan dari Kerajaan untuk golongan B40 akan menerima Bantuan Kewangan Haji sebanyak RM18,300 (termasuk bantuan RM1,000 dari Kerajaan Malaysia) seorang atau lebih separuh (55 peratus) daripada keseluruhan Kos Haji. • Bakal haji kumpulan M40 pula akan menerima Bantuan Kewangan Haji berjumlah RM9,800 seorang atau 29 peratus daripada keseluruhan Kos Haji.
7.	Adakah bakal haji yang tidak ditawarkan bantuan kewangan haji boleh membuat rayuan kepada TH untuk menerima bantuan tersebut?	• Sejak tahun 2022, TH telah memperkenalkan kadar Bantuan Kewangan Haji secara bersasar. • Kadar Bayaran Haji yang ditetapkan adalah muktamad.

BIL	SOALAN	JAWAPAN																								
8.	Adakah bakal haji boleh membayar lebih daripada kadar Bayaran Haji yang ditetapkan?	- Bakal jemaah haji yang berhasrat untuk membuat bayaran haji melebihi kadar yang telah ditetapkan, boleh memilih untuk membuat pilihan jumlah bayaran sehingga kadar penuh Kos Haji iaitu RM33,300 di platform THiJARl semasa mengesahkan penerimaan tawaran. - Terdapat tujuh (7) pilihan jumlah bayaran yang disediakan untuk kumpulan B40 dan M40 seperti berikut: <table border="1"> <thead> <tr> <th>PILIHAN</th><th>B40</th><th>M40</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>RM16,000</td><td>RM25,000</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>RM17,000</td><td>RM26,000</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>RM18,000</td><td>RM27,000</td></tr> <tr> <td>4.</td><td>RM19,000</td><td>RM28,000</td></tr> <tr> <td>5.</td><td>RM25,000</td><td>RM30,000</td></tr> <tr> <td>6.</td><td>RM30,000</td><td>RM32,000</td></tr> <tr> <td>7.</td><td>RM33,300</td><td>RM33,300</td></tr> </tbody> </table>	PILIHAN	B40	M40	1.	RM16,000	RM25,000	2.	RM17,000	RM26,000	3.	RM18,000	RM27,000	4.	RM19,000	RM28,000	5.	RM25,000	RM30,000	6.	RM30,000	RM32,000	7.	RM33,300	RM33,300
PILIHAN	B40	M40																								
1.	RM16,000	RM25,000																								
2.	RM17,000	RM26,000																								
3.	RM18,000	RM27,000																								
4.	RM19,000	RM28,000																								
5.	RM25,000	RM30,000																								
6.	RM30,000	RM32,000																								
7.	RM33,300	RM33,300																								
9.	Adakah TH masih akan melaksanakan penambahbaikan terhadap perkhidmatan kepada jemaah walaupun kadar Bayaran Haji dikekalkan?	- Pengekalan Kos Haji dan Kadar Bayaran Haji adalah bukti komitmen TH untuk mengekang kenaikan kos pada setiap tahun walaupun berdepan dengan persekitaran kos, terutamanya di Tanah Suci yang terus meningkat. TH akan terus berusaha untuk meningkatkan tahap perkhidmatan demi memastikan kesejahteraan, keselamatan, kebajikan dan kepentingan para jemaah sentiasa terpelihara.																								

BIL	SOALAN	JAWAPAN
10.	Apakah kadar bayaran bagi penerima tawaran haji yang masih bersekolah atau pelajar institusi pengajian tinggi yang masih di bawah tanggungan ibu bapa/penjaga?	• Bagi penerima tawaran haji yang masih bersekolah atau pelajar institusi pengajian tinggi berumur 21 tahun dan ke bawah yang masih di bawah tanggungan ibu bapa/penjaga akan dikenakan Bayaran Haji seperti kategori B40 iaitu RM15,000. • Namun, sekiranya terdapat kekilanan penetapan kategori Bayaran Haji pada surat tawaran yang diterima, mereka boleh membuat aduan kekilanan kepada TH untuk semakan semula Kategori Bayaran Haji melalui pejabat cawangan TH yang terdekat. • Sertakan bersama bukti yang lengkap seperti rekod pengesahan pelajar daripada pihak sekolah atau insitusi pengajian tinggi serta maklumat lain yang berkaitan. • Pihak TH akan membuat penelitian menyeluruh dengan bukti yang mencukupi untuk aduan kekilanan yang dikemukakan bagi penukaran Kategori Bayaran Haji. • Aduan kekilanan perlu dibuat sebelum bakal haji berangkat ke Tanah Suci.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
11.	Apakah yang perlu dilakukan oleh bakal jemaah sekiranya terdapat perbezaan kadar Bayaran Haji antara pasangan mahram atau yang membuat rayuan sebagai pengiring?	• Sekiranya terdapat kes perbezaan penetapan Bayaran Haji di antara pasangan suami isteri yang kedua-duanya mendapat tawaran haji bagi tahun semasa, mereka boleh membuat aduan kekilanan kepada TH untuk semakan semula Kategori Bayaran Haji melalui pejabat cawangan TH yang terdekat. • Sertakan bersama bukti yang lengkap seperti rekod penerimaan bantuan kerajaan bagi golongan B40, status perkahwinan dan maklumat lain yang berkaitan. • Pihak TH akan membuat penelitian menyeluruh dengan bukti yang mencukupi untuk semakan semula bagi penukaran Kategori Bayaran Haji. • Aduan kekilanan perlu dibuat sebelum bakal haji berangkat ke Tanah Suci.